

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 6 MAC 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 28

### OPR mungkin naik lagi

# OPR mungkin naik lagi

Bagaimanapun, bergantung kepada mesyuarat MPC pada minggu ini

KUALA LUMPUR

Elabur dijangka lebih berhati-hati pada minggu ini berikutan jangkaan bahawa Kadar Dasar Se-malam (OPR) Bank Negara Malaysia (BNM) akan diberikan tumpuan menjelang mesyuarat kedua Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) bagi tahun ini yang dijadualkan pada 8 dan 9 Mac.

Kenanga Research dalam nota penyelidikan pada Sabtu berkata, bank pusat dijangka mengakalkan status quo itu.

"Sekiranya Pengurus Rizab

Persekutuan Amerika Syarikat (AS) Jerome Powell menyampaikan mesej dengan kecenderungan menaikkan kadar faedah dan data pekerjaan AS terus berdaya tanah, ia mungkin membawa kepada satu lagi pusingan penetapan kadar faedah semula dalam hal tuju dasarnya, seterusnya memberi tekanan kepada aset berisiko," katanya.

AmBank Group dalam laporan penyelidikan ekonominya berkata, peningkatan OPR hanya akan berlaku pada suku kedua atau tempoh selepas itu, bergantung kepada panduan selanjutnya dan bagaimana data inflasi domestik berkembang dalam masa beberapa bulan akan datang.

Naib Presiden Penyelidikan Ekuiti Rakuten Trade Sdn Bhd, Thong Pak Leng pula berpendangan BNM mungkin mengelakkkan kenaikan OPR sebelum mesyuarat Jawatankuasa

Pasaran Terbuka Persekutuan (FOMC) AS pada 21 dan 22 Mac.

Beliau berkata, hasil mesyuarat perundangan tahunan China akan turut dipantau dengan teliti sebagai petunjuk hal tuju dasar kerajaan dan prospek bagi ekonomi.

Sidang Kongres Rakyat Kebangsaan (NPC) dan Persidangan Perundingan Politik Rakyat China (CPPCC) bermula pada Sabtu.

"Sehubungan itu, penilaian FBM KLCI kekal mendapat tarikan pada tahap semasa. Oleh itu, kami menjangkakan indeks petunjuk pasaran akan kekal tidak berubah dengan kecenderungan meningkat dalam jajaran 1,450-1,470," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Pada minggu berkenaan, Indeks Pengurusan Pembelian (PMI) China yang kukuh pada 52.6 sebahagiannya membantu merangsang ringgit dan Bursa



Apabila OPR naik, bayaran ansuran bulanan sedia ada kepada pihak bank akan naik termasuk pinjaman perumahan.

Malaysia.

Indeks PMI pembuatan di negara itu menokok kepada 52.6 pada Februari iaitu bacaan tertinggi sejak April 2012 manakala PMI perkhidmatan Caixin/S&P Global terus meningkat kepada 55 pada Februari berbanding 52.9 pada Januari.

Sektor pembuatan terus menguncup pada Februari pada kadar lebih rendah dengan PMI 48.4 daripada 46.5 pada Januari.

Minggu lepas, asas FBM KLCI menyusut 3.25 mata untuk ditutup kepada 1,453.55 berbanding 1,456.80 minggu sebelum itu. - Bernama